

14 APR 2000

Razaleigh-Umno

KU LI LAYAK BERTANDING NAIB PRESIDEN TAPI BELUM BUAT KEPUTUSAN

KOTA BAHARU, 14 April (Bernama) -- Ketua Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini memperolehi pencalonan ke-17 yang melayakkannya bertanding jawatan Naib Presiden pada pemilihan parti 11 Mei ini.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh berkata beliau akan hanya membuat pengumuman sama ada hendak bertanding selepas mendapat surat tawaran bertanding daripada Ibu Pejabat Umno di Kuala Lumpur.

Pencalonan ke-17 itu dibuat oleh Jawatankuasa Umno Bahagian Gua Musang yang bermesyuarat hari ini di sini yang dihadiri 22 orang anggota. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Tengku Razaleigh selaku ketua bahagian itu.

Mesyuarat itu diadakan setelah persidangan perwakilan bahagian pada 31 Mac lepas tidak membuat pencalonan bagi semua jawatan sebaliknya menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian itu menentukannya.

Pada sidang media selepas mesyuarat jawatankuasa itu, Tengku Razaleigh berkata mandat yang diberikan oleh perwakilan Umno bahagian itu kepada jawatankuasa untuk membuat pencalonan tidak bertentangan dengan perlembagaan parti.

Menurut Tengku Razaleigh, beliau mengizinkan namanya dicalonkan bertanding jawatan Naib Presiden selepas jawatankuasa bahagian itu serta Umno bahagian-bahagian lain mahukan beliau memainkan peranan di peringkat kepimpinan Umno pusat.

"Saya sebenarnya telah bercakap kepada jawatankuasa bahagian, elok saya tidak dicalonkan untuk sebarang jawatan. Nampaknya dia orang berkeras supaya saya dicalonkan juga untuk jawatan Naib Presiden," katanya.

Tengku Razaleigh berkata senarai penuh pencalonan itu akan dihantar segera ke Ibu Pejabat Umno di Kuala Lumpur untuk diperakui selepas ditandatangani oleh Pengerusi Tetap Umno Gua Musang, Abdullah Wan Latif.

Jawatankuasa bahagian itu juga turut mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam bagi dua lagi jawatan Naib Presiden.

Bahagian itu juga mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden Umno.

Senarai penuh pencalonan oleh Jawatankuasa Umno bahagian itu diumumkan oleh Timbalan Ketua Umno bahagian Mohd Saufi Deraman yang turut sama pada sidang media itu.

-- BERNAMA

BD AHH MAI